

**PELAKSANAAN PENILAIAN DALAM MATA PELAJARAN  
PENDIDIKAN JASMANI DI SEKOLAH MENENGAH  
IMPLEMENTATION OF THE ASSESSMENT OF PHYSICAL  
EDUCATION SUBJECT IN SECONDARY SCHOOL**

**Syed Kamaruzaman Syed Ali<sup>1</sup>  
Faizul Mat Som<sup>2</sup>  
Norkhalid Salimin<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Syed Kamaruzaman Syed Ali, Faculty of Education, University of Malaya

<sup>2</sup> Faizul Mat Som, Faculty of Education, University of Malaya

<sup>3</sup> Norkhalid Salimin, Faculty of Sports Science and Coaching, Sultan Idris Education University

**Accepted date:** 4 March 2018

**Published date:** 1 July 2018

**To cite this document:** Ali, S. K. S., Som, F. M., & Salimin, N. (2018). Pelaksanaan Penilaian dalam Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (13), 10-17.

---

**Abstrak:** Tujuan kajian ini ialah untuk melihat pelaksanaan penilaian dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Responden terdiri daripada 50 orang guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 di salah sebuah daerah di negeri Selangor. Responden kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data. Data dianalisis menggunakan statistik diskriptif seperti min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan. Hasil analisis data, di dapati tahap pelaksanaan penilaian bagi Ujian Bulanan Pertama adalah sederhana ( $M=3.05; SP=.88$ ), Ujian Bulanan Kedua adalah sederhana ( $M=2.96; SP=.88$ ), Ujian SEGAK Pertama adalah sederhana ( $M=3.54; SP=.89$ ), Peperiksaan Pertengahan Tahun adalah tinggi ( $M=4.83; SP=.38$ ), Ujian SEGAK Kedua ( $M=3.42; SP=.79$ ) adalah sederhana, Peperiksaan Akhir Tahun adalah Tinggi ( $M=4.85; SP=.36$ ), dan Kerja Kursus adalah Tinggi ( $M=3.71; SP=.93$ ). Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan penilaian dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani tingkatan 4 adalah tinggi ( $M=3.77$ ). Kebanyakan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 telah melaksanakan penilaian dengan memuaskan dalam peperiksaan pertengahan tahun, peperiksaan akhir tahun, dan kerja kursus.

**Kata Kunci:** Pelaksanaan, Penilaian, Pendidikan Jasmani, Guru Pendidikan Jasmani, Sekolah Menengah.

**Abstract:** The purpose of this study is to see the implementation of the assessment in Form 4 Physical Education subject. This study uses a survey study design. Respondents consist of 50 Form 4 Physical Education teachers in one of the districts in Selangor. Respondents were selected using purposive sampling method. Questionnaire was used as an instrument to collect data. The data were analyzed using descriptive statistics such as min, standard deviation, percentage and frequency. The results of the data analysis showed that the first monthly test

*was simple (M = 3.05; SP = .88), The Second Monthly Test was simple (M = 2.96; SP = .88), First SEGAK test was simple (M = (M = 4.83; SP = .38), Second Semester Test (M = 3.42; SP = .79) is simple, Final Year Examination is Higher (M = 4.85; SP = .36), and Course Work is High (M = 3.71; SP = .93). Overall, the level of assessment in Form 4 Physical Education was high (M = 3.77). Most Form Four Physical Education teachers have performed satisfactory assessments in the mid-year exams, year-end exams, and coursework.*

**Keywords:** *Implementation, Assessment, Physical Education, Physical Education Teacher, Secondary School.*

---

## **Pendahuluan**

Kurikulum adalah segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah atau institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan yang telah ditentukan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Kurikulum ini termasuklah susunan mata pelajaran, sukatan pelajaran, panduan guru, bahan pembelajaran, bahan sokongan dan gerak kerja yang berkaitan dengan pendidikan (Mohamad Rabeh, 2000). Bagi kurikulum Pendidikan Jasmani ia merupakan suatu proses yang mana seseorang individu itu akan memperoleh kemahiran fizikal, mental, sosial dan kecergasan melalui aktiviti fizikal (Lumpkin, 2005). Untuk memastikan pelajar telah memperolehi kemahiran tersebut, guru Pendidikan Jasmani hendaklah melaksanakan penilaian ketika proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Melalui pelaksanaan penilaian, guru Pendidikan Jasmani akan dapat maklumbalas tentang kemajuan pelajar tersebut.

Jemaah Nazir juga telah menyarankan supaya Panitia Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) melaksanakan penilaian dalam pembelajaran PJPK untuk memberi maklumbalas kepada guru dan murid tentang pencapaian dalam sesuatu bidang. Maklumbalas ini boleh digunakan oleh guru untuk menyusun strategi pengajaran. Bagi murid pula, maklumbalas boleh dijadikan ransangan untuk meningkatkan lagi prestasi (Jemaah Nazir, KPM 2007). Lagipun, salah satu tugas guru di sekolah adalah untuk membuat penilaian (Abdul Ghafar, 2003). Oleh yang demikian melaksana penilaian merupakan satu kewajipan kepada guru termasuk guru Pendidikan Jasmani. Penilaian merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara berterusan di dalam kurikulum Pendidikan Jasmani (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999). Penilaian bukan sahaja dapat memberikan maklumat tentang kedudukan dan perkembangan pencapaian pelajar malahan juga tentang kualiti sekolah (Miller, Linn, Gronlund, 2009). Ini menunjukkan bahawa aspek penilaian adalah perkara penting yang perlu dilaksanakan di sekolah. Segala laporan yang diperolehi melalui penilaian perlu untuk tindakan susulan bagi meningkatkan pembelajaran murid dan memperbaiki pengajaran guru Pendidikan Jasmani.

Tugas utama guru ialah mendidik dan memberikan pengetahuan yang berguna kepada pelajar dalam bidang tertentu berdasarkan kurikulum yang ditawarkan dan diperakui oleh KPM (Abdul Rahim, 2007). Disamping itu, aspek penilaian dalam Pendidikan Jasmani adalah penting dan perlu diketahui, difahami, dan dihayati oleh guru Pendidikan Jasmani sebelum melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Walaupun mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah mata pelajaran teras dan semua murid perlu mengikutinya, namun masih wujud masalah dalam aspek pelaksanaan penilaian dalam Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Jemaah Nazir (2007) telah membuat pemantauan terhadap pelaksanaan Pendidikan Jasmani ke atas salah sebuah sekolah menengah. Kaedah

pemantauan adalah dengan menggunakan instrumen penilaian berupa analisis dokumen, pemerhatian dan temubual. Hasil daripada pemantauan terhadap aspek penilaian, didapati penilaian kemahiran pelajar sama ada dari aspek psikomotor, kognitif, dan afektif masih belum dilaksanakan. Buku rekod pencapaian kemahiran dan prestasi pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) tidak digunakan sebagai rekod penilaian berterusan Pendidikan Jasmani. Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa terdapat guru Pendidikan Jasmani yang tidak dapat melaksanakan aspek penilaian dalam Pendidikan Jasmani dengan sempurna di sekolah tersebut. Sehubungan dengan itu penyelidik ingin membuat kajian untuk melihat samada isu ini turut berlaku di salah sebuah daerah di negeri Selangor. Penyelidikan yang dijalankan ini hanya menggunakan instrumen soal selidik sahaja berbanding dengan kajian yang dijalankan oleh pihak nazir sekolah yang telah menggunakan kaedah temubual, pemantauan dan analisa dokumen untuk mengumpul data kajian. Semua kaedah tersebut digunakan untuk mengumpul data di salah sebuah sekolah sahaja. Namun penyelidikan ini melibatkan responden di semua sekolah menengah dalam satu daerah yang terdapat di negeri Selangor.

### **Penilaian**

Penilaian merupakan proses yang berterusan di sepanjang sesi pengajaran seseorang guru (Fatimah, 2000). Berdasarkan kepada pendapat Smith (1997), penilaian bermaksud mengumpul maklumat. Oleh yang demikian, melalui penilaian, maklumat tentang pengetahuan, pemahaman, kemampuan dan sikap akan dapat diperolehi (Morris, 1991). Sehubungan dengan itu penilaian merupakan satu elemen penting dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Tanpa penilaian, guru tidak tahu bagaimana cara untuk mengenal pasti sama ada pelajar telah belajar atau pun tidak dan pelajar pula tidak tahu adakah mereka lakukan itu mengikut *standard* yang telah ditentukan (Lund & Tannehill, 2005).

Noraini (2001) juga berpendapat, salah satu cara yang berkesan untuk melihat sejauh mana berjayanya proses pengajaran dan pembelajaran berlaku ialah melalui teknik penilaian. Hasil daripada kajian Noraini, Loh, Ahmad Zabidi, Norjoharuddeen, & Rahimi (2006), didapati kaedah penilaian telah terbukti berjaya meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Wee (2002) menyatakan bahawa, di dalam kurikulum Pendidikan Jasmani, penilaian dilaksanakan bukan sahaja untuk memberi maklumbalas terhadap pembelajaran pelajar, malah dapat menentukan keberkesanan pengajaran guru Pendidikan Jasmani. Selain itu, hasil dari proses penilaian juga boleh digunakan sebagai laporan untuk ibubapa pelajar, untuk simpanan sekolah berhubung dengan status pelajar, dan untuk laporan pencapaian pelajar (Safrit & Wood, 1989).

Oleh yang demikian penilaian merupakan satu aktiviti yang amat bermakna dan bermanfaat yang perlu dilakukan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran (Abdullah Sani, 2003). Sehubungan dengan itu guru Pendidikan Jasmani perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan aspek penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Shahril@Chairil (1997) pula, menyarankan agar aspek penilaian dijalankan dengan kerap bagi mengenal pasti kelemahan pengajaran guru dan kemajuan pelajaran pelajar. Seterusnya, menurut Fatimah (2000) penilaian ini boleh dilaksanakan secara lisan atau bertulis, dan biasanya dibuat semasa di akhir pengajaran.

Guru boleh melaksanakan beberapa jenis penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut tujuan penilaian itu diadakan (Abdul Ghafar, 2003). Sekiranya guru ingin mengenalpasti sama ada pelajar sudah belajar atau pun tidak dan mengenalpasti topik yang sukar diikuti oleh pelajar, penilaian formatif boleh digunakan (Buhagiar, 2007). Manakala, guru yang ingin menentukan kedudukan atau pencapaian muktamad pelajar pada akhir

pengajaran, guru boleh menggunakan penilaian sumatif. Penilaian sumatif ini boleh membantu guru menilai keberkesanan pengajaran (Abdul Rashid & Siti Rahayah, 1999). Selain itu penilaian juga boleh membantu menilai keberkesanan pelaksanaan kurikulum termasuk kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

### **Teori**

Ujian Formatif dan Sumatif berguna dalam memantau kemajuan pelajar dan juga menilai keberkesanan program Pendidikan Jasmani (Cavallini, 2006). Ini selaras dengan kenyataan Roberts, Evans, dan Ormond (2006), yang menyatakan bahawa penilaian patut dijalankan untuk memperolehi data objektif dan subjektif bagi mengukur keberkesanan program Pendidikan Jasmani. Berdasarkan kepada penilaian formatif dan sumatif, guru boleh melaksanakan beberapa jenis ujian. Ujian merupakan alat ukur yang digunakan untuk sesuatu pengukuran (Miller, 2006). Sehubungan dengan itu, semua institusi pendidikan seperti sekolah, sudah pasti telah melaksanakan aspek penilaian setiap tahun bagi melihat pencapaian objektif tentang program atau kurikulum Pendidikan Jasmani. Sehubungan dengan itu kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana guru Pendidikan Jasmani tingkatan 4 telah melaksanakan penilaian di sekolah.

### **Objektif kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

a. Mengenalpasti tahap pelaksanaan penilaian dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani tingkatan 4.

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Responden kajian adalah 50 orang guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah yang mengajar Tingkatan 4 di salah sebuah daerah di negeri Selangor. Responden kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Soal selidik digunakan sebagai instrument untuk mengumpul data. Sebelum mengumpul data kajian, instrument tersebut telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Bagi mendapatkan kesahan, penyelidik telah mendapatkan komen dan cadangan daripada panel yang pakar dalam Pendidikan Jasmani. Setelah membuat penambahbaikan berdasarkan komen dan cadangan panel pakar, penyelidik telah menjalankan kajian rintis. Data daripada kajian rintis telah dianalisis menggunakan program SPSS untuk melihat kebolehpercayaan instrument. Hasil daripada analisis tersebut, diperolehi nilai *Cronbach's Alfa* iaitu 0.7, dan ini menunjukkan kebolehpercayaan instrument tersebut adalah tinggi dan instrument tersebut boleh digunakan untuk mengumpul data kajian ini. Seterusnya analisis statistik deskriptif seperti min, mod, peratusan dan sisihan piawai juga digunakan untuk menjawab soalan kajian.

### **Dapatan Kajian**

#### ***Latar belakang responden***

Jadual 1 menjelaskan kekerapan dan peratusan tentang latar belakang responden dari aspek jantina, bangsa, umur, pengalaman mengajar, kelayakan akademik tertinggi.

**Jadual 1. Statistik Diskriptif Latar Belakang Responden Guru Opsyen Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 (N=50)**

<i>Maklumat Latar Belakang Responden</i>		<i>Kekerapan</i>	<i>Peratusan</i>
Jantina	Lelaki	31	62.0
	Perempuan	19	38.0

Umur	21-25 tahun	1	2.00
	26-30 tahun	16	32.0
	31-35 tahun	11	22.0
	36-40 tahun	9	18.0
	41 tahun ke atas	13	26.0
Pengalaman mengajar	<1-2 tahun	16	32.0
	3-4 tahun	13	26.0
	5-6 tahun	9	18.0
	7-8 tahun	2	4.00
	9 tahun ke atas	10	20.0
Kelayakan akademik tertinggi	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	1	2.00
	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia/HSC	1	2.00
	Diploma	1	2.00
	Ijazah Sarjana Muda	43	86.0
	Ijazah Sarjana/Master	4	8.00

Nota:HSC : *High School Certificate*; KPLI – Kursus Perguruan Lulusan Ijazah; DPLI- Diploma Perguruan Lulusan Ijazah.

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas, di dapati dari aspek jantina, guru Pendidikan Jasmani lelaki (62%) lebih ramai daripada guru Pendidikan Jasmani perempuan (38.0%). Kebanyakan guru Pendidikan Jasmani berumur di antara 26 hingga 30 tahun (32.0%), 31 hingga 35 tahun (22.0%), dan 41 tahun ke atas (26.0%). Selainnya berumur di antara 36 hingga 40 tahun (18.0%) dan 21 hingga 25 tahun (2.0%). Jika ditinjau dari sudut pengalaman mengajar Pendidikan Jasmani Tingkatan 4, sebanyak 20.0% guru Pendidikan Jasmani telah mengajar lebih dari 9 tahun, 4.0% antara 7 hingga 8 tahun, 18.0% antara 5 hingga 6 tahun, 26.0% antara 3 hingga 4 tahun, dan 32.0% kurang dari 2 tahun.

Sementara itu, ramai di antara guru Pendidikan Jasmani yang memiliki kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda (86.0%), Selebihnya, hanya di peringkat Sarjana (8.0%), Diploma (2.0%), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia /HSC (2.0%), dan Sijil Pelajaran Malaysia /MCE (2.0%).

### Pelaksanaan Penilaian

Berikut adalah analisis tentang pelaksanaan penilaian dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani tingkatan 4. Analisis ini adalah berkaitan dengan pelaksanaan ujian bulanan pertama, ujian bulanan kedua, ujian SEGAK pertama, peperiksaan pertengahan tahun, ujian SEGAK kedua, peperiksaan akhir tahun dan kerja kursus.

**Jadual 2: Min, Sisihan Piawai, dan Tahap Pelaksanaan Elemen Penilaian Pendidikan Jasmani (N=50)**

<i>Elemen Tahap Pelaksanaan Penilaian Pendidikan Jasmani</i>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Tahap</b>
i.Ujian Bulanan Pertama	3.05	.88	Sederhana
ii.Ujian Bulanan Kedua	2.96	.78	Sederhana
iii.Ujian SEGAK Pertama	3.54	.89	Sederhana
iv.Peperiksaan Pertengahan Tahun	<b>4.83</b>	<b>.38</b>	<b>Tinggi</b>
v.Ujian SEGAK Kedua	3.42	.79	Sederhana
vi.Peperiksaan Akhir Tahun	<b>4.85</b>	<b>.36</b>	<b>Tinggi</b>
vii.Kerja Kursus	<b>3.71</b>	<b>.93</b>	<b>Tinggi</b>

SP- Sisihan Piawai

Berdasarkan kepada Jadual 2 di atas, didapati elemen yang mempunyai min tahap tinggi ialah kerja kursus (M=3.71;SP=.93) peperiksaan akhir tahun (M=4.85;SP=.36) dan peperiksaan

pertengahan tahun ( $M=4.83;SP=.38$ ). Elemen yang memperoleh min pada tahap sederhana adalah ujian bulanan pertama ( $M=3.05;SP=.88$ ), ujian bulanan kedua ( $M=2.96;SP=.78$ ), Ujian SEGAK pertama ( $M=3.54;SP=.89$ ), dan ujian SEGAK kedua ( $M=3.42;SP=.79$ ). Secara kesesuluruhan kebanyakan guru Pendidikan Jasmani lebih kepada melaksana peperiksaan pertengahan tahun, peperiksaan akhir tahun dan kerja kursus dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani tingkatan 4. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan penilaian melalui kerja kursus, peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun adalah paling tinggi jika dibandingkan dengan jenis penilaian yang lain.

### **Perbincangan**

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 4, guru Pendidikan Jasmani telah melaksana penilaian pada tahap tinggi ( $M=3.76;SP=.72$ ). Didapati pelaksanaan penilaian Pendidikan Jasmani dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun telah dilaksanakan pada tahap tinggi. Pelaksanaan penilaian Pendidikan Jasmani menggunakan kaedah Kerja kursus juga telah dilaksanakan pada tahap tinggi. Tetapi bagi pelaksanaan penilaian Pendidikan Jasmani yang berbentuk amali seperti ujian kecergasan fizikal iaitu Ujian SEGAK Pertama dan Ujian SEGAK Kedua telah dilaksanakan oleh guru Pendidikan Jasmani pada tahap sederhana sahaja. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Abang Ismail, Abang Julhi, Noraini, Puspalela Habibie Norlela (2008) di sekolah menengah kebangsaan Bandaraya Kuching, yang mendapati 20% guru menyatakan bahawa mereka tidak berpuas hati dengan pelaksanaan penilaian seperti Ujian Kecergasan Fizikal di sekolah mereka. Kenyataan guru tersebut menunjukkan pelaksanaan penilaian Pendidikan Jasmani seperti ujian kecergasan fizikal telah dilaksanakan pada tahap yang tidak memuaskan. Zainal Abidin dan Shafezan Hamidi (2010) turut mendapati bahawa walaupun guru Pendidikan Jasmani faham tentang Ujian kecergasan SEGAK tetapi mereka masih menghadapi masalah dalam melaksanakannya. Guru-guru telah dibekalkan maklumat dari segi objektif dan prosedur pelaksanaan tetapi dalam melaksanakan ujian kecergasan ini, berkemungkinan guru menghadapi masalah dalam penyediaan alatan ujian. Sebagai contoh, guru-guru perlu menyediakan *kit* alatan ujian sedangkan alatan tiada dibekalkan dan guru terpaksa memohon peruntukan inisiatif sendiri untuk mendapatkan alatan tersebut. Begitu juga dengan alatan ujian naik turun bangku. Terdapat sekolah yang tidak dibekalkan contohnya seperti sekolah harian biasa. Untuk menyelesaikan masalah ini, guru terpaksa meminjam dari sekolah yang ada ataupun merekacipta alatan ini dengan sendiri dan seterusnya ini boleh mengganggu kelancaran ujian kecergasan tersebut.

### **Kesimpulan**

Fenomena ini menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan penilaian Pendidikan Jasmani seperti Ujian Kecergasan Fizikal di sekolah menengah masih tidak menunjukkan peningkatan. Sepatutnya aspek penilaian dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani perlu diberi perhatian yang sewajarnya bagi mengesan perkembangan, kebolehan, kemajuan, dan pencapaian pelajar dalam bidang Pendidikan Jasmani (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999). Selain daripada itu, aspek penilaian juga boleh digunakan untuk memperoleh data objektif dan subjektif bagi mengukur keberkesanan program Pendidikan Jasmani (Roberts, Evans, & Ormond, 2006). Menurut Wee (2002) pula, selain daripada untuk memberi maklumbalas terhadap pembelajaran pelajar, penilaian juga dilaksanakan untuk menentukan keberkesanan pengajaran guru Pendidikan Jasmani. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Jasmani dan pihak pentadbir sekolah perlu mengambil langkah yang drastik bagi memastikan aspek penilaian ini dilaksanakan pada tahap yang memuaskan di sekolah menengah terutamanya dari aspek kecergasan fizikal.

## Rujukan

- Abang Ismail, Abang Julhi, Noraini, Puspalela Habibie Norlela. (2008). Ujian kecergasan fizikal: Sejauhmanakah pelaksanaannya di sekolah menengah. *Jurnal Penyelidikan, Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak, Jilid 8, ISSN 1675-6374*, 1- 13.
- Abdul Ghafar Md. Din (2003). *Prinsip dan amalan pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Abdul Rahim Abdul Rashid (2007). *Profesionalisme keguruan. Prospek dan cabaran*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sani Yahya (2003) *Siri pentadbiran pendidikan. Mengurus sekolah*. Pahang: PTS Publications.
- Fatimah Abdullah (2000). Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kecemerlangan Pendidikan. *Risalah At-Tarbiah, Bil.3, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia*, 5 – 9.
- Lumpkin, A. (2005). *Physical education, exercise science, and sport studies*. 6<sup>th</sup> ed. New York: McGraw-Hill.
- Laporan Jemaah Nazir Sekolah (2007). *Laporan pemeriksaan penuh. Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Kertil, Kedah*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lund, J & Tannehill, D. (2005). *Standard-Based Physical Education Curriculum Development*. Boston : Jones & Bartlett.
- Miller, D.K., Linn, R.L., Gronlund, N.E. (2009). *Measurement and assessment in teaching*. Tenth edition. New Jersey: Pearson
- Mohamad Rabeh Abdullah (2000). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Al Azhar di SMKA Jabatan Agama Islam Selangor*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Kuala Lumpur. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Morris, P. (1991). Assessment. In Marsh, C., & Morris, P. (Eds). *Curriculum development in East Asia*. (pp. 37 – 57). London: Falmer Press.
- Noraini Idris, Loh Sau Cheong, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Norjoharuddeen Mohd Nor, & Rahimi Saad (2006). Effective implementation of teaching mathematics and science in english : A case study. *Jurnal Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*, 101 – 115.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1999). *Kemahiran berfikir dan strategi berfikiran dalam pengajaran dan pembelajaran sains*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Safrit, M.J., & Wood, T.M. (1989). *Measurement concepts in physical education and exercise science*. Illinois : Human Kinetics.
- Shahril @ Chairil Marzuki (1997). Profil sekolah berkesan di Malaysia. Berdasarkan model lima faktor. *Jurnal Pendidikan, Jilid 18, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*. 97-114
- Smith, T.K. (1997). Authentic assessment: Using a portfolio card in physical education. *Journal of physical education, recreation & dance, Volume 68, Number 4*, 46 – 52.
- Zainal Abidin Zainuddin & Shafezan Hamidi Abd Hamid (2010). *Persepsi guru-guru Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) untuk murid sekolah Malaysia di sekitar Bandar Johor Bahru dan Bandar Skudai*. Retrieved Oktober 3, 2010 from [http://eprints.utm.my/10698/1/persepsi\\_Guru.pdf](http://eprints.utm.my/10698/1/persepsi_Guru.pdf).

- Roberts, T., Evans, T., Ormond, F., (2006). Using assessment to support basic instruction programs in physical education. *Physical Educator, Vol.63, Iss. 1*, 38-46
- Wee Eng Hoe, (2002). *Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesehatan*. Siri Pendidikan perguruan. Shah Alam: Karisma Publications.